

BERITA HARIAN 01 OKT/2004

Bekas pelajar Universiti Malaysia Sabah anjur seminar pengurusan

KOTA KINABALU: Persatuan Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS), dengan kerjasama universiti itu akan menganjurkan seminar Pengurusan Alumni Dalam Institusi Pengajian Tinggi, pada 10 hingga 12 Oktober ini.

Seminar dua hari itu yang diada-

kan di Hotel Beverly, di sini, akan dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Mohd Shafie Salleh.

Presiden Persatuan Alumni UMS, Prof Dr Rosnah Ismail, berkata seminar yang bertemakan 'Ke arah Integrasi Pembangunan Alumni Dalam

Institusi Pengajian Tinggi' diadakan sempena sambutan ulangtahun ke 10 UMS tahun ini.


Dr Rosnah berkata, kertas kerja akan disampaikan oleh wakil institut pengajian tinggi dari Malaysia, Singapura, Thailand dan United Kingdom.

"Kami sebenarnya mahu berkongsi mengenai perkara berkaitan pembangunan alumni dan mendapatkan keberkesanan pengurusan alumni di semua IPTA.

"Melalui seminar ini, kita berhasrat merancang aktiviti dan program di kalangan ahli dan sebagai platform

kita untuk membentuk Majlis Pengurusan Alumni Universiti Malaysia," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Maklumat lanjut boleh menghubungi sekreteriat di talian 088 320000 sambungan 1115/1118/1527 atau faks 088 320217.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH